



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENEROKAAN PENDEKATAN TERAPI REALITI DALAM MENANGANI SALAH LAKU SEKSUAL DI PUSAT PERLINDUNGAN WANITA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENEROKAAN PENDEKATAN TERAPI REALITI DALAM MENANGANI SALAH LAKU SEKSUAL DI PUSAT PERLINDUNGAN WANITA

IZZAH BINTI SUPENI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSFAH**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyeleksian
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 12.....(hari bulan) JULAI.....(bulan) 2023.....

I. Perakuan pelajar:

Saya, IZZAH BINTI SUPENI (P20132002290) FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PENEROKAAN PENDEKATAN TERAPI REALITI DALAM MENANGANI SALAH LAKU SEKSUAL DI PUSAT PERLINDUNGAN WANITA

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

II. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF. MADYA DR AHMAD JAZIMIN BIN JUSOH (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENEROKAAN PENDEKATAN TERAPI REALITI DALAM MENANGANI SALAH LAKU SEKSUAL DI PUSAT PERLINDUNGAN WANITA

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

28/23

Tarikh

Tandatangan Penyelia



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: PENEROKAAN PENDEKATAN TERAPI REALITI DALAM MENANGANI
SALAH LAKU SEKSUAL DI PUSAT PERLINDUNGAN WANITA

No. Matrik / Matric's No.: P20132002290

Saya / I : IZZAH BINTI SUPENI

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
I acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972.

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Profesor Dr. Ahmad Jazimin Jusoh

Fakulti Peribangunan Manusia

Universiti Pendidikan Sultan Idris

35900 Tanjung Malim, Perak

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 28/2/23

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkewajipan organisasi berkaitan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

*Note: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.*



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, saya ingin mengucapkan kesyukuran dan kehadiranNya, kerana dengan izin dan perkenanNya maka Alhamdulillah saya dapat menyempurnakan penulisan tesis yang bertajuk Penerokaan Pendekatan Terapi Realiti Dalam Menangani Salah Laku Seksual Di Pusat Perlindungan Wanita.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia saya Prof. Madya Dr. Ahmad Jazimin bin Jusoh kerana jasa dan bimbingan beliau dalam memberi bimbingan dan tunjuk ajar tanpa kenal erti jemu dalam menyiapkan tesis ini. Bimbingan dan teguran beliau banyak membantu saya dalam memperbaiki kesilapan dan seterusnya dapat menyiapkan tesis ini.

Saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada suami tercinta, Tn Hj Mohd Muzaiyin bin Hj Asmail serta anak-anak, ayahanda Tn Hj Supeni bin Kasbi yang disayangi, semua ahli keluarga, Pegawai Pendidikan Daerah Sabak Bernam, sahabat handai dan rakan taulan saya yang dikasihi kerana banyak memberi sokongan dan dorongan serta mendoakan kejayaan saya dalam pengajian. Berkat sokongan dan dorongan yang diberikan kepada saya hingga berjaya menyiapkan tesis dan seterusnya menamatkan pengajian di sini.

Akhir kata, terima kasih sekali lagi diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dalam menyumbangkan bantuan serta sokongan dalam menyiapkan tesis ini. Semoga jasa kalian diberkati Allah S.W.T.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneroka pendekatan Terapi Realiti dalam menangani salah laku seksual di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor. Manakala objektif khusus kajian ini ialah meneroka aspek psikologi, aplikasi Terapi Realiti, perancangan peserta kajian, dan refleksi peserta kajian terhadap proses kaunseling. Kajian ini menggunakan reka bentuk kaedah kajian kes yang melibatkan tujuh subjek kajian secara teknik pensampelan bertujuan. Teknik pengumpulan data adalah menggunakan teknik temu bual, analisis dokumen dan pemerhatian. Lokasi kajian adalah di Pusat Perlindungan Wanita. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa aspek psikologi remaja yang diperlukan adalah kasih sayang, keseronokan, kebebasan, kelangsungan hidup dan yang kurang diperlukan adalah kuasa. Dari segi aplikasi Terapi Realiti, enam orang peserta kajian mengakui bahawa proses kaunseling yang dijalankan sangat membantu diri mereka kecuali seorang peserta kajian kurang memberi respon ketika ditemu bual. Seterusnya, enam orang peserta kajian bersedia untuk merancang kehidupan baharu pada masa akan datang. Manakala seorang sahaja peserta kajian yang kurang memberi respon. Berdasarkan refleksi semua peserta kajian menunjukkan bahawa mereka semua bersetuju sesi kaunseling dapat membantu mereka kearah perubahan tingkah laku yang lebih baik. Hubungkait antara setiap persoalan kajian telah membentuk satu kerangka konsep tentang bagaimana pendekatan Terapi Realiti dapat membantu remaja yang melakukan salah laku seksual. Implikasi kajian ini telah memberi manfaat khususnya kepada pengamal kaunseling dalam melaksanakan aktiviti intervensi untuk membantu remaja yang melakuakn salah laku seksual.





REALITY THERAPY APPROACH IN ADDRESSING SEXUAL MISCONDUCT IN WOMEN'S PROTECTION CENTER

ABSTRACT

This qualitative study aims to explore the Reality Therapy approach in addressing sexual misconduct in Women's Protection Center in Selangor. While the specific objective of this study is to explore of this study is to explore psychological aspects, the application of Reality Therapy, the planning of study participants, and the reflection of study participants on the counseling process. This study uses a case study design involving seven research subjects using a purposive sampling technique. Data collection techniques are using interview techniques, document analysis and observation. Data were analyzed using thematic analysis methods. The findings of the study show that the aspects of adolescent psychology that are needed by the seven study participants are love, fun, freedom, survival and what is less needed is power. In terms of the application of Reality Therapy, six study participants admitted that the application of Reality Therapy conducted during the interview session helped them a lot of except for one study participants who gave less response when interviewed. Next, six study participants are ready to plan a new life in the future. While only one study participants did not respond. Based on the reflection of all study participants, they all agree that counseling sessions can help them change their behavior for the better. The relationship between each research question has formed a conceptual framework on how the Reality Therapy approach can help adolescents who commit sexual misconduct. The implications of this study have benefited counseling practitioners in particular in implementing intervention activities to help teenagers who commit sexual misconduct.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	8
1.4 Tujuan Kajian	13
1.5 Objektif Kajian	13
1.6 Persoalan Kajian	14
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	14
1.8 Definisi Operasional Kajian	17





1.8.1	Terapi Realiti	17
1.8.2	Salah laku Seksual	19
1.8.3	Pusat Perlindungan Wanita	20
1.9	Batasan Kajian	20
1.9.1	Sampel Kajian	20
1.9.2	Tempoh Pengumpulan Data	21
1.9.3	Teknik Pengumpulan Data	21
1.9.4	Prosedur Pengumpulan Data	21
1.9.5	Skop Kajian	22
1.9.6	Metodologi kajian	23
1.10	Kepentingan Kajian	24
1.11	Rumusan	30

**BAB 2 TINJAUAN LITERATUR**

2.1	Pendahuluan	33
2.2	Salah laku Seksual	34
2.3	Salah laku Seksual dan Intervensi	40
2.4	Aspek Psikologi Terapi Realiti	64
2.5	Pendekatan Terapi Realiti Membantu Individu	80
2.6	Pendekatan Terapi Realiti Dalam Salah Laku Seksual	93
2.7	Rumusan	99

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	101
3.2	Rekabentuk Kajian	102
3.3	Populasi dan Peserta Kajian	111





3.3.1	Lokasi Kajian	115
3.3.1.1	Pusat Perlindungan Wanita	115
3.4	Instrumen Kajian	119
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	121
3.5.1	Bias Penyelidik dan Strategi Menyemak Bias penyelidik	125
3.6	Kaedah Menganalisis Data	126
3.6.1	Kesahan dan Kebolehpercayaan	130
3.6.2	Kesahan Dalaman	131
3.6.2.1	Proses Triangulasi	132
3.6.2.2	Semakan Rakan	134
3.6.2.3	Penglibatan yang Berpanjangan	135
3.6.2.4	Pemeriksaan Rakan	136
3.6.3	Kesahan Luaran	137
3.6.3.1	Deskripsi yang kaya dan terperinci	137
3.6.3.2	Reka bentuk Pelbagai Latar	138
3.6.4	Kebolehpercayaan Data Kajian Kes	138
3.6.4.1	Triangulasi Data	139
3.6.4.2	Penerangan Terperinci	139
3.6.5	Teknik Pengumpulan Data	142
3.6.5.1	Temu bual	142
3.6.5.2	Protokol Temu bual	145
3.6.5.3	Analisis Dokumen	147
3.6.5.4	Pemerhatian	149
3.7	Etika Kajian	158





3.7.1	Sebelum Kajian	158
3.7.2	Semasa Kajian	160
3.7.3	Selepas Kajian	161
3.8	Rumusan	163

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	164
4.2	Latar Belakang Peserta Kajian	165
4.2.1	Peserta 1	168
4.2.2	Peserta 2	169
4.2.3	Peserta 3	171
4.2.4	Peserta 4	172
4.2.5	Peserta 5	174
4.2.6	Peserta 6	175
4.2.7	Peserta 7	176
4.3	Latar Belakang Informan Tambahan	178
4.3.1	Informan Pertama (P8)	179
4.3.2	Informan Kedua (P9)	180
4.3.3	Informan Ketiga (P10)	181
4.3.4	Informan Keempat (P11)	181
4.4	Aspek Psikologi Dalam Kalangan Peserta Kajian	182
4.4.1	Kasih Sayang	185
4.4.1.1	Kasih Sayang Kekasih	186
4.4.1.2	Kasih Sayang Keluarga	191
4.4.2	Kebebasan	194





4.4.2.1	Kebebasan dari Keluarga	194
4.4.2.2	Kongkongan dari keluarga	196
4.4.3	Keseronokan	198
4.4.3.1	Dapat Penghargaan	198
4.4.3.2	Kepuasan Hubungan Seksual	199
4.4.3.3	Mendapat hiburan dan kegembiraan	199
4.4.4	Kuasa	202
4.4.4.1	Dikuasai Pelaku	203
4.4.5	Kelangsungan Hidup	206
4.5	Aplikasi Terapi Realiti Dalam Membantu Peserta Kajian	207
4.5.1	Kehendak dan keperluan	208
4.5.2	Terarah dan Melakukan	212
4.5.3	Penilaian	222
4.5.4	Pelan bertindak dan Komitmen	233
4.6	Perancangan Peserta Kajian Dalam Mengatasi Masalah mereka	244
4.6.1	Mudah	245
4.6.2	Boleh dicapai	247
4.6.3	Boleh diukur	249
4.6.4	Dengan segera	252
4.6.5	Penglibatan	254
4.6.6	Terkawal	256
4.6.7	Konsisten	258
4.6.8	Komitded	261
4.7	Maklum balas Peserta Kajian Terhadap Proses Kaunseling Terapi Realiti	263





4.8 Rumusan	270
-------------	-----

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan	271
5.2 Ringkasan Kajian	272
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian	273
5.3.1 Aspek Psikologi Peserta Lima Keperluan Asas	276
5.3.2 Pendekatan Terapi Realiti	283
5.3.3 Perancangan SAMIICCC	289
5.3.4 Maklum balas Informan Tambahan dan peserta kajian	290
5.3.4.1 Maklum balas Informan Tambahan	290
5.3.4.2 Maklum balas Peserta Kajian	292
5.4 Implikasi Kajian	295
5.4.1 Implikasi Teoretikal	295
5.4.2 Implikasi Praktikal	298
5.4.2.1 Pengamal Kaunseling (Guru, Kaunselor, Pensyarah Kaunseling dan Psikologi)	299
5.4.2.2 Ibu Bapa dan Masyarakat	302
5.5 Sumbangan dalam Bidang Kaunseling	305
5.5.1 Pemahaman Terapi Realiti	308
5.6 Sumbangan kepada pengamal teori	310
5.7 Cadangan Kajian	311
5.7.1 Metodologi Kajian	311
5.7.2 Peserta Kajian	311
5.7.3 Aspek berbeza	312
5.8 Kesimpulan	312





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xiii

RUJUKAN

314

LAMPIRAN

322



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI JADUAL

No Jadual	Muka Surat
3.1 Pendekatan Reka Bentuk Kajian Mengikut Yin & Merriam	107
3.2 Langkah-langkah dalam Proses Pengumpulan Data	124
3.3 Pungutan data semasa di lapangan	155
4.1 Latar Belakang Peserta Kajian	167
4.2 Latar Belakang Informan Tambahan	178
4.3 Kekerapan tema berdasarkan keperluan Asas Terapi Realiti	183





SENARAI RAJAH

No Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka konseptual kajian	15
1.2 Terapi Realiti	16
3.1 Komponen analisis data mengikut Model Interaktif Miles & Huberman (2014)	127
3.2 Peringkat kedua proses analisis data kualitatif	129
3.3 Kaedah meningkatkan kesahan kajian	132
3.4 Proses triangulasi	133





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xvi

SENARAI SINGKATAN

GBK JKM	Guru Bimbingan dan Kaunseling Jabatan Kebajikan Masyarakat Kementerian Pendidikan Malaysia
PCC	Person Client Central
REBT	Rational Emotional Behavior Therapy



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xvii

SENARAI LAMPIRAN

- A **SESI 1 K001**
- B **SESI 2 K001**
- C **SESI 3 K001**
- D **SESI 4 K001**
- E **SESI 5 K001**
- F **SESI 6 K001**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENGENALAN



Pada era globalisasi ini, gejala sosial dalam masyarakat Malaysia berada pada tahap yang membimbangkan sama ada kepada pemimpin politik mahupun rakyat. Isu gejala sosial telah membuatkan pelbagai pihak berasa resah dan gelisah dengan fenomena ini. Hal ini terjadi kerana dalam jangka masa panjang, perkara tersebut akan memberikan kesan negatif kepada generasi akan datang dan pembangunan negara. Antara salah laku seksual yang amat menakutkan yang pernah dilakukan sejak umat terdahulu dan juga pada zaman jahiliyyah sedang berleluasa sehingga kini. Istilah-istilah yang digunakan untuk zina ini telah ditukarkan kepada istilah lain (Wan Ramizah, 2020).

Menurut Mariam (2019), generasi remaja zaman ini merupakan aset penting negara pada masa hadapan. Golongan remaja bakal menerajui kepimpinan dan





pemerintahan negara, menjadi tenaga yang bakal memajukan serta memelihara kedaulatan tanah air. Peranan remaja sangat penting dalam pembangunan sosial, budaya, politik, sukan dan ekonomi negara. Keprihatinan terhadap usaha pengukuhan generasi remaja sangat perlu diberi perhatian kerana hanya golongan remaja yang kuat mental dan fizikal yang mampu menyumbang kepada pembangunan negara. Namun begitu, fenomena yang berlaku dalam masyarakat akhir-akhir ini adalah sangat membimbangkan. Golongan remaja sering dikaitkan dengan pelbagai isu salah laku seksual yang berlaku dalam negara.

Manakala Nasarudin (2018) dalam kajiannya menyatakan bahawa krisis akhlak yang berlaku dalam masyarakat pada hari ini telah membawa kepada pelbagai masalah sosial seperti budaya lepak, sumbang mahram, berkelakuan tidak sopan di khalayak umum, salah laku seksual, hamil luar nikah dan perkara yang lebih membimbangkan ialah peningkatan kes pembuangan bayi. Pendekatan pencegahan yang digunakan dalam menangani krisis ini perlu dilakukan secara holistik meliputi pelbagai aspek seperti mengarusperdanakan pendidikan agama atau sivik, menerapkan pendekatan agama dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan, psikologi, perundangan dan sebagainya.

Seterusnya Kamarul Azmi (2017) menyatakan salah satu masalah remaja yang merunsingkan di Malaysia ialah masalah seks bebas dan kes seksual remaja sama ada kerana suka-suka atau dirogol. Kesinambungan daripada masalah ini melibatkan maruah diri remaja dan keluarga mereka sebagai ahli masyarakat. Implikasi daripada salah laku seksual ini berupa kehamilan anak luar nikah juga merupakan rentetan yang menyediakan bagi remaja dan keluarga mereka, serta anak yang dikandungi dan





dilahirkan. Justeru, kajian beliau cuba mengupas statistik masalah seks remaja, faktor berlakunya masalah seksual remaja ini, kesan masalah seksual ini kepada remaja, dan penyelesaiannya menurut Islam terhadap remaja yang belum terjebak dan sudah terjebak dalam masalah ini.

Rumusannya, isu salah laku seksual remaja menjadikan pelbagai pihak berasa gusar dengan fenomena ini kerana mampu memberi kesan yang negatif kepada remaja sebagai aset khazanah pemimpin negara pada masa hadapan dalam jangka masa yang lama. Generasi remaja ini bakal menjadi pewaris dan tenaga yang memerintah negara. Oleh itu, golongan remaja sangat penting dalam pembangunan negara manakala krisis akhlak yang berlaku dalam masyarakat pada hari ini telah membawa kepada pelbagai masalah yang merunsingkan di Malaysia.



1.2 Latar Belakang Kajian

Di Malaysia, perangkaan anak tidak sah taraf daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dari tahun 2010 hingga 2015 telah mencatatkan sebanyak 323,047 kes. Malah, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Azizah Mohd. Dun ketika sesi soal jawab di Parlimen bertarikh 16 November 2016 turut menjelaskan bahawa bilangan kes remaja melakukan salah laku seksual terutamanya zina dan kehamilan remaja yang belum berkahwin dari tahun 2012 hingga 2015 adalah sebanyak 16,270 orang. Selain itu, statistik kes pembuangan bayi yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan sebanyak 906 kes dicatatkan sejak tahun 2005 hingga 2015. Perangkaan ini tidak termasuk kes yang tidak dilaporkan melakukan





salah laku seksual terutamanya zina dan pengguguran bayi (Adibah, 2016).

Manakala Institut Kesihatan Umum pula telah menjalankan kajian terhadap 27,497 orang pelajar daripada 212 buah sekolah di seluruh negara. Laporan yang dikeluarkan oleh Institut Kesihatan Umum ini amat membimbangkan. Laporan menunjukkan bahawa 31.9 peratus daripada pelajar sekolah menengah ini telah mempunyai pengalaman seks (*sexual experience*) sebelum berusia 14 tahun. Malah pelajar tingkatan satu dikatakan mempunyai bilangan paling ramai dalam percubaan untuk melakukan salah laku seksual, iaitu sejumlah sembilan peratus daripada jumlah tinjauan ini. Negeri Pahang diletakkan sebagai negeri yang telah merekodkan jumlah tertinggi bagi remaja yang pernah melakukan salah laku seksual (Sembilan perpuluhan lima peratus, 9.5%), manakala Kuala Lumpur mencatatkan bilangan terendah (empat perpuluhan tiga peratus, 4.3%). Dapatkan ini juga menunjukkan bahawa sebanyak 16.6 peratus daripada remaja ini pernah berzina dengan lebih daripada seorang (Ahmad Sanusi, 2018).

Seterusnya kajian yang dijalankan di University of California, Berkeley dalam 13 bahasa menunjukkan bahawa pencegahan dalam bentuk program-program pencegahan dan intervensi lebih berkesan berbanding pelaksanaan undang-undang semata-mata. Di Barat, pelbagai usaha telah dilakukan untuk mengurangkan kes salah laku seksual. Salah satu contoh program yang agak efektif di Amerika Syarikat ialah program *Temporary Assistance for Needy Families (TNAF)*. Ehrhardt dan Spar (2001) melaporkan beberapa aktiviti yang dikendalikan di bawah TNAF bagi mengurangkan kadar salah laku seksual.





Di Malaysia, program-program yang khusus dan serius sebagaimana di Amerika dan Sweden dilihat kurang meluas dijalankan. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan beberapa program berkaitan pernah dijalankan oleh NGO (seperti ‘*Focus on the Family Malaysia*’) atau kerajaan (seperti Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga LPPKN). Kerajaan Malaysia mendapat kerjasama daripada pihak NGO untuk memulakan kempen bagi remaja perempuan yang masih di peringkat sekolah. Perkara terasnya adalah yang berhubungan dengan keseksualan untuk memerangi peningkatan zina, kelahiran anak luar nikah dan jenayah buang bayi. Menurut Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Azizah Mohd Dun, Kementerian tersebut mempunyai tujuh program yang merangkumi Dasar Negara dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproductif.



Selain itu, KKM telah melancarkan satu program, iaitu “Generasiku Sayang” peringkat kebangsaan yang bertujuan meningkatkan kesedaran semua pihak agar mengambil tindakan yang lebih berkesan bagi menghadapi isu wanita remaja salah laku seksual, zina dan hamil. Menerusi program itu, KKM menyediakan pusat jagaan yang memberikan perlindungan dan penjagaan kepada remaja yang melakukan salah laku seksual, berzina serta wanita hamil luar nikah selain bayi yang bakal dilahirkan. Pusat penjagaan 'Generasiku Sayang' telah diwujudkan di semua negeri kecuali Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Pahang. Oleh itu, program-program sosial tersebut mampu mencegah perbuatan salah laku seksual yang menyebabkan kehamilan dan kelahiran anak luar nikah dalam kalangan remaja. Selain itu, bayi yang bakal dilahirkan dapat dilindungi dalam usaha mencapai hasrat kerajaan untuk memperkasakan hak kanak-kanak di Malaysia.





Kajian Nasaruddin (2018) berkaitan kepentingan al-Quran dan al-Sunah dalam pembentukan akhlak yang bertamadun sememangnya tidak pernah dipertikai dalam mana-mana ajaran kerana kedua-duanya menjadi indikator sebenar untuk menilai kualiti kecemerlangan sesebuah tamadun. Beliau berpandangan bahawa pembentukan akhlak seseorang pada asasnya bergantung kepada proses pembentukan dan penjiwaannya, sebelum menjadi sebatи sebagai nilai-nilai kerohanian dalam diri individu tersebut. Sejauh mana seseorang menjiwai dan menghayati kemuliaan sifat dan nilai murni yang diajar oleh kalam Allah dan sunah Rasullah SAW, maka setahap itulah ukuran akhlak yang akan ditonjolkan oleh individu tersebut. Namun begitu, tidak dinafikan, pembentukan akhlak turut dipengaruhi oleh faktor persekitaran dan beberapa faktor lain. Sebagai contoh, penekanan terhadap didikan agama oleh ibu bapa berdasarkan kepada hadis Rasulullah SAW yang bermaksud seseorang anak yang dilahirkan itu adalah dalam keadaan fitrah (bersih), maka ibu bapa lah yang menjadikannya Yahudi, Nasrani atau Majusi (hadis riwayat al-Bukhari). Dalam konteks pembinaan akhlak masyarakat sesebuah negara, pihak pemerintah juga memainkan peranan penting untuk menentukan nilai jati diri masyarakatnya. Sesuai dengan fungsi syariat dan perundangan sebagai benteng utama ke arah pembentukan akhlak seperti mana yang telah dibincangkan, maka penguatkuasaan undang-undang secara serius perlu dilaksanakan secara berterusan. Aspek ini perlu dikawal selia oleh pihak luar bagi memastikan agenda menangani krisis akhlak dapat ditangani dengan lebih berkesan dan mencapai syariat Islam sepenuhnya mengikut acuan perspektif al-Quran dan al-Sunah yang sebenar.





Menurut teori ini, tingkah laku manusia digerakkan oleh keinginan dan motivasi dalaman (psikologi kawalan dalaman) untuk memenuhi keperluan asas (kelangsungan hidup, kasih sayang dan kepunyaan, kuasa, kebebasan dan keseronokan) yang diingini. Tingkah laku manusia menjadi bermasalah apabila manusia memilih cara yang tidak bertanggungjawab untuk mengatasi konflik diri ketika apa yang diingini oleh seseorang tidak sama dengan apa yang diperolehnya (Esa, 2011). Contohnya, salah laku seksual dalam kalangan remaja berlaku apabila keperluan asas keseronokan dan kasih sayang tidak dipenuhi dengan baik sehingga menyebabkan individu tersebut menjadi bermasalah. Dalam fenomena salah laku seksual misalnya, remaja mudah melakukan salah laku seksual kerana ingin mendapatkan keseronokan atau mendambakan kasih sayang bersama teman lelaki, kawan-kawan atau kenalan. Selain itu, keadaan keluarga yang tidak menyeronokkan dan bahagia juga mendorong ramai remaja mencari hiburan di luar sehingga terlibat dalam pelbagai masalah sosial.



Namun demikian, pendekatan berbentuk kaunseling individu kepada remaja yang melakukan salah laku seksual belum dilaksanakan secara meluas di negara ini. Oleh hal yang demikian, isu ini telah menarik minat penyelidik untuk menjalankan kajian pendekatan Terapi Realiti dalam menangani salah laku seksual di Pusat Perlindungan Wanita. Terapi Realiti dilihat sebagai satu teori kaunseling yang kuat untuk menjelaskan salah laku seksual remaja. Oleh itu, secara keseluruhannya Terapi Realiti bertujuan untuk menjadi teori asas bagi meneroka pendekatan Terapi Realiti itu sendiri dalam usaha mengenal pasti punca berlakunya salah laku seksual sedemikian dalam kalangan remaja. Justeru, dalam bidang kaunseling, kajian lebih lanjut perlu dilakukan terutama untuk melihat aspek psikologi kawalan luaran dan dalaman remaja yang melakukan salah laku seksual. Selain itu, tindakan, pemikiran, perasaan dan





fisiologi remaja yang melakukan salah laku seksual juga perlu diberi perhatian dalam merungkai tingkah laku remaja yang melakukan salah laku seksual menurut perspektif Terapi Realiti.

Rumusannya, dalam bab ini penyelidik akan membincangkan beberapa aspek yang merangkumi latar belakang kajian, pendekatan teori, pernyataan masalah dan objektif kajian. Selain itu, persoalan kajian, hipotesis kajian, signifikasi kajian, definisi konsep dan operasional, limitasi kajian serta kerangka konsep kajian akan turut dibincangkan.

1.3 Penyataan Masalah



Malaysia telah melangkah menuju ke alaf baru yang berorientasikan sains dan teknologi. Era kecanggihan teknologi ini telah menyebabkan ramai remaja terlibat dengan masalah sosial yang mendorong mereka terjerumus ke dalam aktiviti-aktiviti yang tidak sihat dan sangat membimbangkan. Ramai remaja mengalami keruntuhan akhlak dengan melakukan salah laku seksual. Mereka lebih mengikut dorongan hawa nafsu semata-mata untuk mendapatkan keseronokan tanpa memikirkan masa depan yang bakal ditempuhi. Dalam proses pembangunan sesebuah masyarakat dan negara, setiap satu aspek yang penting mestilah tidak boleh dipinggirkan. Salah satu aset terpenting yang boleh menjamin kemajuan sesebuah masyarakat ialah golongan remaja. Remaja merupakan satu tempoh peralihan dalam kitaran hidup yang melibatkan terjadinya banyak perubahan, sama ada dari segi perkembangan fizikal, emosi atau kognitif. Ketika ini, remaja mula meminati perkara berhubungan dengan rakan sebaya



dan mula belajar peranan kerja, peranan dalam keluarga dan sebagai warga masyarakat. Tingkah laku yang ditunjukkan oleh remaja akan memberi kesan kepada kemajuan sesebuah negara. Perkara ini lebih mustahak lagi terutamanya semasa menelusuri arus kemodenan yang kian pesat untuk mencapai kemakmuran bersama negara menjelang tahun 2030.

Paranjothi Yanok (2016) mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi salah laku seksual dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Kajian tersebut menggunakan reka bentuk kaedah tinjauan dan kajian kes. Data di kumpul melalui soal selidik, temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Seramai 397 responden telah menjawab soal selidik. Data soal selidik kemudian dianalisis secara deskriptif. Dapatkan soal selidik menunjukkan bahawa faktor yang mempengaruhi salah laku seksual dalam kalangan pelajar sekolah menengah ialah keluarga, pengalaman seksual, rakan sebaya, media elektronik, dan masyarakat. Kajian kes ke atas seorang pelajar lelaki dan empat orang pelajar perempuan yang bertujuan untuk meneroka dan memahami lebih mendalam lagi faktor-faktor yang telah dikenal pasti dalam kajian tinjauan soal selidik. Melalui data kajian kes, satu deskripsi dan perbincangan yang lebih terperinci tentang faktor-faktor seperti keluarga, pengalaman seksual pelajar, masyarakat, rakan sebaya, media elektronik, persekitaran pengajaran dan pembelajaran di sekolah telah dipersembahkan. Konsep seksualiti pelajar juga telah dapat diteroka melalui kajian kes yang dijalankan. Profil pelajar yang pernah terlibat dalam salah laku seksual juga telah dibentuk.

Menurut Ahmad dan Dahlan (2017), remaja merupakan golongan yang masih mencari identiti diri serta memerlukan kasih sayang yang berterusan daripada ahli keluarga mereka. Lazimnya, dalam proses mencari identiti diri, remaja mudah terjebak



dalam salah laku sosial seperti seks bebas, penyalahgunaan alkohol atau dadah, gengsterisme ataupun masalah rempit yang mampu menghancurkan masa hadapan mereka (Ahmad et al. 2017; Tharshini et al. 2018). Isu kehamilan luar nikah dalam kalangan remaja merupakan salah satu salah laku seksual yang amat membimbangkan pada masa ini. Secara amnya, kehamilan luar nikah merupakan suatu perlakuan yang menyimpang daripada norma sosial kerana melibatkan perlakuan seksual bersama individu bawah umur (Bohori & Ismail, 2018). Perangkaan statistik yang telah direkodkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat menunjukkan bahawa negeri Sabah, Sarawak, Selangor, Johor, dan Pahang mencatatkan jumlah kes salah laku seksual yang tinggi berbanding dengan negeri-negeri lain (Berita Harian, 2018). Selain itu, statistik yang dikeluarkan oleh KKM menunjukkan bahawa seramai 3,694 orang remaja hamil luar nikah pada tahun 2017 dan dianggarkan sebanyak 10 kes telah direkodkan setiap



Data yang telah direkodkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia pada tahun 2018 menunjukkan bahawa Malaysia menduduki tangga keempat daripada 10 buah negara yang mempunyai kes salah laku seksual kehamilan luar nikah yang tertinggi, khususnya yang melibatkan golongan remaja (Harian Metro, 2019). Selain itu, Malaysia juga berhadapan dengan peningkatan dalam peratusan kelahiran anak tidak sah taraf dan kes pembuangan bayi pada setiap tahun (Sinar Harian, 2017). Laporan daripada Jabatan Pendaftaran Negara menunjukkan bahawa statistik anak tidak sah taraf dari tahun 2010 hingga tahun 2015 berjumlah 323,047 kes (Utusan Borneo, 2019). Tambahan pula, statistik kes pembuangan bayi yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia menunjukkan bahawa sebanyak 906 kes telah direkodkan sepanjang tempoh 10 tahun yang lalu (Sinar Harian, 2017).



Dalam konteks Malaysia, akta yang boleh diguna pakai bagi mengendalikan kes salah laku seksual kehamilan luar nikah dalam kalangan remaja ialah Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 792) (Undang- Undang Malaysia, 2017). Manakala Bahagian IV, Seksyen 14 dalam Akta Kesalahan- Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 792) menjelaskan bahawa perbuatan menyentuh seseorang kanak-kanak pada bahagian badan dengan menggunakan objek-objek tertentu atau menggunakan bahagian badan pelaku boleh disabitkan hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun serta dikenakan hukuman sebat (Undang-Undang Malaysia, 2017). Justeru itu, pelaku yang menghamilkannya seorang remaja yang masih berumur di bawah 18 tahun boleh diambil tindakan undang- undang atas kesalahan-kesalahan seksual (Undang-Undang Malaysia, 2017).



05-4506832



Laporan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (2018)

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

menganggarkan secara purata, 4,000 remaja perempuan hamil tanpa nikah, iaitu salah laku seksual bawah 18 tahun dilaporkan setiap tahun berdasarkan statistik KKM. Memetik statistik berkenaan, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Hannah Yeoh berkata, dari tahun 2012 hingga 2016, sebanyak 79,302 kes remaja perempuan hamil tanpa nikah yang melakukan salah laku seksual umur di bawah 18 tahun telah dilaporkan.

Menurut Siti Aisyah (2018), berdasarkan kaji selidik oleh Kesihatan Pelajar Berasaskan Sekolah Global (*Global School Based Student Health Survey*) yang dikendalikan oleh KKM pada tahun 2012 pula, sebanyak 50.4 peratus remaja mengakui sudah mula melakukan hubungan seks kali pertama sebelum usia mencapai umur 14 tahun. Pada peringkat global, remaja membentuk satu per lima daripada

keseluruhan penduduk dunia. Manakala di Malaysia, 21 peratus atau limajuta penduduk Malaysia adalah daripada golongan remaja. Namun begitu, segelintir golongan remaja pada hari ini tidak seperti yang diharapkan kerana mereka lebih cenderung kepada perkara-perkara yang tidak bermoral seperti salah laku seksual dan pelbagai masalah sosial.

Seterusnya, kajian Siti Zubaidah (2018) menyatakan bahawa statistik KKM pada tahun 2016 telah mendedahkan sebanyak 3,980 atau 28.8 peratus daripada 13,831 remaja berusia antara 10 hingga 19 tahun melakukan salah laku seksual menghamikan anak luar nikah. Ini sekali gus telah merekodkan lima negeri yang mencatatkan kes kehamilan remaja tertinggi, iaitu Sabah dengan jumlah 3,084 kes, diikuti Sarawak (2,910), Selangor (1,461), Johor (1,319) dan Pahang, sebanyak 940 kes. Manakala

Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, turut melaporkan 18,000 remaja hamil atau dalam erti kata yang lain, melakukan salah laku seksual mendapatkan perkhidmatan di klinik kesihatan kerajaan dalam setahun bermula dari tahun 2011 hingga tahun 2013. Daripada jumlah itu, sebanyak 25 peratus (kira-kira 4,500 kes) membabitkan remaja yang mengandung luar nikah. Secara purata, terdapat 50 kes remaja hamil sehari yang menjadikan angka 1,500 kes setiap bulan di seluruh negara. Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dr. Rose Lena Lazemi mendakwa bahawa fakta tersebut jelas menunjukkan bahawa pengetahuan tentang kesihatan seksual reproduktif dalam kalangan remaja di negara ini masih rendah.

Menurut penelitian kajian lepas, kajian yang melibatkan salah laku seksual remaja dan pendekatan kaunseling hanya berbentuk intervensi. Kajian tersebut tidak



menunjukkan cara analisis psikologi itu dilakukan secara mendalam berdasarkan teori-teori kaunseling. Selain itu, teori kaunseling seperti Terapi Realiti sebenarnya telah berjaya membantu individu-individu bermasalah dengan baik. Oleh hal yang demikian, perkara ini mendorong pengkaji untuk melihat sejauh manakah aspek psikologi remaja yang melakukan salah laku seksual ini boleh dibantu berdasarkan Terapi Realiti. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai aspek psikologi (aspek psikologi luaran dan dalaman), tingkah laku keseluruhan (aspek tindakan, pemikiran, perasaan dan fisiologi) sehingga mendorong remaja terlibat dalam salah laku seksual serta untuk mengetahui perancangan masa depan remaja.

1.4 Tujuan Kajian



Kajian ini bertujuan untuk meneroka pendekatan Terapi Realiti dalam usaha menangani salah laku seksual di Pusat Perlindungan Wanita.

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:

1. Meneroka aspek psikologi peserta kajian.

2. Meneroka pendekatan Terapi Realiti dalam usaha membantu peserta kajian.





3. Meneroka perancangan peserta kajian untuk mengatasi masalah mereka.

4. Mengenal pasti maklum balas peserta kajian selepas menghadiri sesi kaunseling.

1.6 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian di atas, penyelidikan yang dijalankan adalah untuk menjawab persoalan-persoalan berikut:

1. Sejauh manakah aspek psikologi dibangunkan dalam kalangan peserta kajian?

2. Bagaimanakah pendekatan Terapi Realiti membantu peserta kajian?


3. Bagaimanakah peserta kajian membuat perancangan untuk mengatasi masalah mereka?

4. Apakah maklum balas peserta kajian selepas menghadiri sesi kaunseling?

1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Sebelum memulakan kajian, penyelidik telah membentuk satu kerangka kajian. Kerangka konsep kajian menjadi panduan kepada pengkaji untuk menjawab persoalan kajian, seterusnya mencapai objektif kajian.






Rajah 1.1. Kerangka konseptual kajian

Berdasarkan kerangka konseptual di atas, kajian yang dijalankan ini adalah untuk meneroka pendekatan Terapi Realiti dari sudut salah laku remaja yang melakukan seksual berdasarkan teori kaunseling, iaitu Terapi Realiti. Menurut Ahmad Jazimin (2008), pemahaman tingkah laku adalah berdasarkan empat komponen paling utama dalam Teori Pilihan, iaitu dunia sebenar, keinginan individu, keperluan asas dan tingkah laku keseluruhan.

Berdasarkan kerangka konseptual tersebut, penyelidik akan memfokuskan kajian aplikasi pendekatan menurut perspektif Terapi Realiti yang secara khususnya berkait rapat dengan penjelajahan empat komponen teori berkenaan. Penyelidikan akan dibuat untuk mencerap sejauh mana elemen-elemen seperti psikologi kawalan luaran dan dalaman, keinginan individu, keperluan asas, dan tingkah laku keseluruhan mempengaruhi salah laku seksual. Walau bagaimanapun, penyelidikan ini tidak akan merangkumi pembinaan pelan rawatan bagi menangani salah laku seksual remaja. Sebaliknya, kajian ini hanya meneroka perancangan masa depan remaja yang melakukan salah laku seksual untuk dibincangkan.

Dalam kajian ini, penyelidik akan menumpukan aplikasi pendekatan Terapi Realiti dalam usaha menangani salah laku seksual remaja di Pusat Perlindungan Wanita bagi menjawab persoalan-persoalan yang dikemukakan.





1.8 Definisi Kajian

Sebanyak empat istilah utama digunakan dalam penyelidikan ini, iaitu pendekatan Terapi Realiti, salah laku seksual dan Pusat Perlindungan Wanita.

1.8.1 Terapi Realiti

Menurut Glasser (1998), asas psikologi kepada Terapi Realiti adalah Teori Pilihan (*Choice Theory*). Teori Pilihan atau *Choice Theory* membincangkan bagaimana individu bertingkah laku dan mengapa mereka bertingkah laku. Menurut Ahmad Jazimin (2008), Terapi Realiti merupakan aplikasi teori kaunseling yang digunakan untuk menolong klien.



Penyelidikan ini akan meneroka aspek psikologi remaja yang melakukan salah laku seksual atas lima keperluan asas manusia, iaitu keperluan perasaan untuk mempunyai dan dipunyai, untuk berkuasa, untuk bergembira dan berseronok, untuk bebas dan merdeka serta keperluan untuk selamat (Glasser, 1998). Kepincangan salah satu daripada keperluan asas tersebut akan menyebabkan terbentuknya kehendak yang menjurus untuk memenuhi keperluan tersebut. Contohnya, remaja yang kurang mendapat kasih sayang serta perhatian daripada keluarga akan cenderung membentuk tingkah laku yang pada pendapat mereka dapat memenuhi keperluan untuk disayangi. Ada kala individu tersebut cuba mendapatkan sesuatu untuk memenuhi kehendak mereka dengan cara bertingkah laku negatif.





Dalam konteks proses sesi kaunseling individu, setelah kaunselor membina hubungan terapeutik bersama klien, kaunselor akan menerapkan aplikasi sistem WDEP untuk menolong klien mencapai keinginan melalui usaha-usaha yang selaras dengan persetujuan klien. Penerokaan bermula pada peringkat W (*Wants, Needs and Perception*). Tahap yang kedua dalam terapi ialah tahap D yang membawa maksud buat dan arah (*Doing and Direction*). Semasa tahap ini, kaunselor meneroka keseluruhan tingkah laku klien (*total behavior*) dari segi tindakan, pemikiran, perasaan dan fisiologi murid selaras dengan keperluan psikologi klien tersebut. Tahap ketiga dalam proses Terapi Realiti ialah tahap menilai kelakuan klien. Tahap E ialah penilaian (*Evaluation*). Pada tahap ini, kaunselor menilai setiap komitmen dan kelakuan yang ingin dilakukan oleh klien. Tahap yang terakhir dalam Proses Kaunseling menggunakan pendekatan Terapi Realiti ini ialah usaha merancang pelan bertindak. Dalam proses ini, Wulbbolding (2000) dan Glasser (2001) menamakannya sebagai *Planning* (P). Aspek P atau merancang ini sangat penting agar kaunselor mengaplikasikannya. Ciri-ciri perancangan yang sesuai ialah perancangan yang mudah, boleh dicapai, boleh diukur, kesegeraan, penglibatan dan komitmen murid. Keempat-empat tahap tadi melengkapkan strategi WDEP yang diperkenalkan oleh William Glasser.

Aspek psikologi remaja yang melakukan salah laku seksual dalam kajian ini menjurus kepada konsep Terapi Realiti atas lima keperluan asas manusia, iaitu keperluan perasaan untuk mempunyai dan dippunyai, untuk berkuasa, untuk bergembira dan berseronok, untuk bebas dan merdeka serta keperluan untuk selamat.





1.8.2 Salah Laku Seksual

Menurut Nurul Husna (2016), salah laku seksual merujuk kepada keinginan syahwat, jantina, jenis kelamin, hal-hal mengenai perhubungan lelaki dengan perempuan. Seksualiti pulamerujuk kepada cara seseorang individu menterjemahkan ciri seksualiti mereka dalam kehidupan sehari-hari yang merangkumi aspek kesedaran dan keterampilan diri, sama ada sebagai lelaki maupun perempuan. Kesedaran ini seterusnya merangsang kemesraan sesama manusia untuk merasai kelainan dan meneroka perbezaan seksualiti mereka. Seterusnya, gerak balas seksualiti dicetuskan secara ‘biofisiopsikologi’ dan membawa kepada kemesraan, kasih sayang, komitmen serta percintaan yang boleh memantapkan perhubungan sesama mereka.



perbuatan melakukan hubungan seks tanpa ikatan perkahwinan yang sah atau dipanggil sebagai seks bebas. Sedangkan remaja yang melakukan aktiviti seks dengan bertukar-tukar pasangan pula dipanggil sebagai seks rambang.

Rumusannya, pendekatan Terapi Realiti dalam usaha menangani salah laku seksual remaja yang telah melakukan hubungan seksual tanpa ikatan yang sah sebelum pelatih atau peserta kajian dimasukkan ke Pusat Perlindungan Wanita diaplikasikan dalam kajian ini.





1.8.3 Pusat Perlindungan Wanita

Penyelidikan ini hanya melibatkan peserta kajian dari Pusat Perlindungan Wanita sahaja. Pusat Perlindungan Wanita yang memberikan perkhidmatan perlindungan, pemulihan, latihan, bimbingan, kaunseling, kemahiran bersepadau dan kemahiran latihan vokasional yang terbaik kepada kumpulan wanita dan gadis yang terlibat dengan salah laku seksual dan gejala sosial.

1.9 Batasan Kajian



Di Malaysia, hanya terdapat sebuah Pusat Perlindungan Wanita yang dikelolakan oleh Majlis Agama Islam Negeri. Sehubungan dengan itu, sampel dalam kajian ini hanya terhad melibatkan tujuh orang pelatih dan empat orang informan sahaja di Pusat Perlindungan Wanita. Pusat ini merupakan sebuah pusat yang menempatkan gadis-gadis berumur 13 tahun ke atas dan juga wanita yang cenderung kepada aktiviti gejala sosial seperti salah laku seksual zina, masalah sosial, kehamilan tanpa nikah dan lain-lain. Pusat Perlindungan Wanita telah memberikan kebenaran kepada pengkaji untuk menjalankan kajian ini. Hasil dapatan kajian ini dapat memberikan gambaran secara kasar tentang fenomena salah laku seksual di Malaysia jika pelatih pusat perlindungan remaja terlibat sebagai sampel kajian.





1.9.2 Tempoh Pengumpulan Data

Tempoh pengumpulan data di lapangan hanya boleh dijalankan selama tempoh masa yang dibenarkan sahaja, iaitu selama enam bulan. Kajian ini akan lebih bermakna jika lebih ramai pelatih dari Pusat Perlindungan Wanita yang lain terlibat untuk menjadi peserta kajian dan tempoh masa pengumpulan data yang diberikan lebih panjang. Dapatan kajian ini juga terhad kerana hanya menggambarkan dapatan semasa yang berlaku ketika itu terhadap peserta kajian yang berkenaan sahaja.

1.9.3 Teknik Pengumpulan Data

Kajian ini hanya memberi fokus kepada data utama kajian kualitatif daripada temu bual, analisis dokumen dan pemerhatian. Dapatan kajian ini akan lebih bermakna jika dapat dipelbagaikan teknik dan alat kajian, iaitu inventori dan soal selidik lain seperti persepsi terhadap sokongan sosial khususnya keluarga dan juga persepsi rakan sebaya dalam konteks melihat perkembangan harga diri remaja yang melakukan salah laku seksual semasa menjalani pemulihan.

1.9.4 Prosedur Pengumpulan Data

Kajian kes yang melibatkan masyarakat tertutup seperti di tempat kajian ini juga tertakluk kepada etika yang tinggi dan tiga teknik pengumpulan data digunakan, iaitu temu bual, analisis dokumen dan pemerhatian. Oleh hal yang demikian, penyelidik





perlu menjelaskan matlamat kajian kepada peserta dan informan kerana mereka mempunyai pengaruh yang besar terhadap prosedur (Marohaini, 2001). Prosedur ini juga penting untuk membantu penyelidik mendapatkan persetujuan tentang bagaimana sepatutnya kajian dapat dijalankan dengan lebih berkesan. Contohnya, penyelidikan kajian kes ini akan mengambil masa yang panjang dan boleh mengganggu rutin harian dan pengurusan peribadi peserta kajian serta orang lain di sekelilingnya. Maka, adalah wajar prosedur pengumpulan data ini diketahui oleh peserta dan informan kajian (Sapora, 2012).

Seterusnya, bab ini membincangkan definisi konsep dan definisi operasional kajian dengan menjelaskan pemboleh ubah yang diguna pakai dalam kajian. Akhirnya, bab ini membincangkan kepentingan kajian dan mengutarakan pihak-pihak yang bakal memperoleh manfaat daripada kajian ini. Batasan kajian yang turut mengehadkan skop pentafsiran atau interpretasi dapatan kajian agar tidak melangkau data-data yang diperoleh turut dijelaskan.

1.9.5 Skop Kajian

Dalam bidang kaunseling, terdapat pelbagai teori yang boleh mendasari sesuatu kajian. Namun begitu, dalam kajian ini Terapi Realiti merupakan fokus utama kajian. Selain itu, skop kajian adalah terhad dan menjurus untuk mengenal pasti aspek psikologi remaja yang melakukan salah laku seksual. Selanjutnya, kajian ini meneroka keperluan asas (kasih sayang, kuasa, keseronokan, kebebasan, kelangsungan hidup) remaja yang melakukan salah laku seksual dan menganalisis tingkah laku keseluruhan (fikiran,





perlakuan, perasaan, fisiologi) serta perancangan masa depan bagi remaja yang melakukan salah laku seksual ini.

1.9.6 Metodologi Kajian

Metodologi kajian ini ialah penyelidikan kualitatif berbentuk kajian kes. Kajian ini membincangkan dengan baik metodologi kajian kes secara holistik dengan menggabungkan pandangan daripada dua orang tokoh, iaitu Robert Yin (2003), Sharan Merriam (2001) dan Othman Lebar (2012). Kajian ini memberikan pendekatan yang berbeza dalam memahami fenomena yang dikaji. Pandangan daripada kedua-dua tokoh tersebut menjadi asas kepada kajian ini. Terdapat beberapa kekuatan kajian kes mengikut pandangan kedua-dua tokoh ini. Kajian ini memberikan penerangan yang terperinci berkaitan dengan fenomena remaja yang melakukan salah laku seksual dan penerangan secara empirikal berserta analisis secara holistik dijalankan bagi memahami fenomena ini dan menjawab segala persoalan yang timbul. Oleh itu, kajian ini akan memberi pendekatan baharu dalam penyelidikan berbentuk kajian kes.

Selain itu, kajian kes berkaitan dengan remaja yang melakukan salah laku seksual merupakan satu penyelidikan yang agak asing di dalam negara. Oleh hal yang demikian, penyelidik harus membina protokol temu bual dan mendapatkan kelulusan daripada pakar dalam bidang kajian kes dan Terapi Realiti. Protokol temu bual ini perlu sistematik dan tersusun mengikut objektif yang hendak dicapai dan dipastikan menjawab segala persoalan dalam kajian ini. Hasil dapatan kajian ini pastinya memberi implikasi kepada perkembangan ilmu pengetahuan terutama dalam bentuk kajian yang berkaitan dengan remaja yang melakukan salah laku seksual.





Secara keseluruhannya, bab ini membincangkan latar belakang kajian dan penyataan masalah. Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji pendekatan dalam usaha menangani salah laku seksual remaja berdasarkan perspektif Terapi Realiti. Pada dasarnya, penyelidik telah memilih untuk mengkaji remaja yang melakukan salah laku seksual selaras dengan keseriusan masalah ini di Malaysia. Penyelidik juga memilih Terapi Realiti sebagai landasan kajian memandangkan penggunaan dan keberkesanannya teori ini dalam kalangan guru bimbingan dan kaunseling (GBK) serta kaunselor bagi menangani salah laku seksual remaja di sekolah.

1.10 Kepentingan Kajian

Penyelidikan ini akan memberi sumbangan yang penting terhadap bidang psikologi kaunseling khususnya dalam usaha membantu aspek psikologi remaja yang melakukan salah laku seksual melalui proses temu bual individu pendekatan Terapi Realiti. Selain itu, penyelidikan ini dapat memberi kefahaman yang lebih jelas dengan menyumbang pengetahuan dan ilmu yang baharu dalam bidang psikologi kaunseling. Secara tidak langsung juga, kajian ini dapat membantu remaja yang melakukan salah laku seksual, ibu bapa, masyarakat dan sebagainya.

Dapatkan penyelidikan ini membolehkan pihak-pihak tertentu terutamanya Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil berat seterusnya merangka modul khusus (pengkhususan dalam bimbingan dan kaunseling). Tujuannya adalah bagi menangani fenomena permasalahan salah laku seksual dan masalah sosial yang melibatkan golongan remaja yang bersekolah atau



tidak terutamanya dalam permasalahan salah laku seksual seperti berzina, pergaulan bebas, sumbang mahram dan masalah sosial yang lain. Hasil daripada penyelidikan ini, akan mengetengahkan beberapa cadangan yang sesuai untuk dijadikan asas dan garis panduan dalam usaha merangka modul pencegahan dan pemulihan yang sesuai untuk diaplikasikan kepada umum terutamanya golongan remaja.

Hasil penyelidikan ini menjadi bahan penting kepada pengamal kaunseling seperti guru di sekolah, kaunselor di organisasi serta pensyarah kaunseling dan psikologi di universiti dalam usaha memahami salah laku seksual remaja. Ini lebih dikhurasukan kepada remaja yang telah melakukan salah laku seksual melalui proses pembelajaran psikologi remaja dan juga bimbingan dan kaunseling pada semua peringkat umur dan tahap pendidikan. Penyelidikan ini menerangkan perkaitan antara

golongan remaja dengan fenomena kejadian salah laku seksual yang sangat membimbangkan. Oleh hal yang demikian, dapatan penyelidikan ini akan memberi ilmu pengetahuan yang baharu dalam bidang bimbingan kaunseling dan psikologi kaunseling. Lebih-lebih lagi, dapatan ini memberi kefahaman tentang psikologi remaja dan boleh dijadikan bahan perbincangan serta rujukan untuk memahami dan membantu golongan remaja yang melakukan salah laku seksual.

Seterusnya, dapatan penyelidikan ini sangat penting kepada semua pendidik seperti pensyarah dan guru kerana dapat membantu mereka untuk mengenal pasti pelajar yang mempunyai salah laku seksual daripada pelbagai aspek terutama akhlak, tingkah laku, pemikiran, pergaulan, pelajaran dan sebagainya. Maklumat yang diperoleh daripada penyelidikan ini diharapkan dapat menjawab persoalan-persoalan yang timbul tentang psikologi remaja yang melakukan salah laku seksual. Maklumat



yang diperoleh daripada remaja yang melakukan salah laku seksual ini boleh dijadikan panduan kepada pendidik sebagai bimbingan untuk merancang program pencegahan dan pembinaan jati diri kepada remaja yang berisiko melakukan salah laku seksual di sekolah atau di universiti.

Selain itu, Guru Bimbingan Kaunseling (GBK) ataupun kaunselor yang berdaftar di sekolah-sekolah dan organisasi mendapat panduan berkenaan cara memainkan peranan dalam penerapan nilai-nilai murni, pembentukan akhlak dan moral pelajar di sekolah. Peranan kaunselor adalah sangat besar. Kaunselor dilihat sebagai pengantar antara pelajar dengan ibu bapa serta pihak berkuasa. Dalam usaha membimbang dan mendidik ini, sewajarnya kaunselor memainkan peranan berlandaskan prinsip kaunseling dengan menjaga etika dan moral bagi menjamin kesejahteraan bersama. Seterusnya, GBK dan kaunselor juga boleh merancang pelbagai aktiviti bimbingan dan pencegahan di sekolah dengan dapatan penyelidikan ini bagi mengelakkan masalah yang lebih serius lagi berlaku. Program-program pemulihan juga boleh dirancang dengan baik selepas ini.

Sehubungan dengan itu, diharapkan penyelidikan ini dapat membantu GBK yang terlibat secara langsung mendidik pelajar di sekolah untuk memahami permasalahan yang timbul seperti salah laku seksual. Seterusnya, mereka bersama-sama memainkan peranan dalam usaha mencegah, menyelesaikan dan melaksanakan pendekatan yang sesuai bagi menangani isu yang melibatkan golongan remaja.

Di samping itu, penyelidik yakin hasil dapatan penyelidikan, implikasi dan cadangan yang dijelaskan akan memberikan sumbangan ilmu pengetahuan baharu yang





penting kepada institusi pendidikan khususnya dalam merancang modul rawatan bagi program pemulihan dan juga pencegahan remaja yang melakukan salah laku seksual.

Seterusnya, hasil penyelidikan ini menyediakan maklumat berguna kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk merancang aktiviti dan program intervensi berbentuk psiko pendidikan pelbagai dimensi dalam proses pemulihan remaja yang melakukan salah laku seksual secara bersepadu. Pendekatan spiritual dan keagamaan di samping kaunseling didapati merupakan intervensi pemulihan yang dianggap berkesan dalam membina harga diri dan keyakinan remaja yang melakukan salah laku seksual.

Selain itu, kolaborasi antara JKM dengan agensi-agensi seperti hospital dan pihak universiti boleh ditingkatkan dalam perancangan program pemulihan yang lebih bersepadu seperti kempen kesedaran dan program kerohanian serta sokongan moral. Program kaunseling (selain sesi kaunseling) perlu dipelbagaikan pendekatannya memandangkan remaja yang berzina ditempatkan di pusat pemulihan semakin meningkat terutamanya bilangan remaja yang berzina. Usaha kolaboratif ini pastinya memberi impak positif kepada remaja yang berzina untuk mendapatkan pemulihan, perlindungan dan penjagaan yang lebih baik.

Justeru diperoleh daripada penyelidikan ini adalah bermanfaat dalam usaha membantu ibu bapa dan masyarakat terutamanya untuk memahami dan menolong remaja yang terlibat dalam salah laku seksual. Penyelidikan ini akan memberikan kesedaran kepada ibu bapa dan masyarakat untuk melihat betapa seriusnya salah laku seksual remaja yang berlaku sehingga meninggalkan implikasi negatif kepada remaja





yang melakukan salah laku seksual seperti kesan psikologi, kecederaan emosi, trauma, hamil dan masa depan anak-anak gadis yang tidak menentu.

Selain itu, penyelidikan tentang remaja yang melakukan salah laku seksual juga penting kerana memberi kefahaman kepada ibu bapa dan masyarakat berkaitan dengan kebimbangan, kehendak dan masalah-masalah golongan remaja. Oleh itu, ibu bapa dan masyarakat akan lebih mengetahui apa yang perlu dilakukan untuk membantu dan melindungi anak-anak remaja ini daripada menjadi sasaran pelaku. Hasil kajian ini diharapkan dapat mencorakkan pembentukan akhlak dan jati diri yang lebih utuh dan bermakna dalam diri remaja yang melakukan salah laku seksual. Pelbagai program berbentuk pendidikan, sokongan moral dan bimbingan yang berterusan daripada ibu bapa dan masyarakat pastinya dapat membantu remaja yang melakukan salah laku seksual untuk kembali pulih dan memperbaiki diri bagi melayari kehidupan yang lebih baik serta sempurna selepas kejadian dan perancangan masa depan yang lebih baik dan terjamin.

Penyelidikan ini penting untuk memberikan kefahaman dan gambaran yang lebih mantap dan jelas tentang pendekatan dan konsep asas Terapi Realiti. Penyelidikan ini telah membincangkan dengan mendalam penggunaan Terapi Realiti, seterusnya memberi pendekatan yang berbeza untuk memahami salah satu teori kaunseling. Penyelidikan ini melihat proses psikologi remaja yang melakukan salah laku seksual berdasarkan prinsip-prinsip Terapi Realiti.

Seterusnya, konsep Terapi Realiti telah menjadi asas dalam penyelidikan ini untuk memahami psikologi remaja yang melakukan salah laku seksual. Selain itu,





Terapi Realiti juga dijadikan landasan untuk meneroka keperluan asas dan tingkah laku keseluruhan remaja yang melakukan salah laku seksual serta perancangan masa depan mereka. Pendekatan Terapi Realiti dalam penyelidikan ini telah menjelaskan dengan baik berkenaan tingkah laku manusia, terutamanya berkaitan aspek psikologi remaja yang melakukan salah laku seksual. Sehubungan dengan itu, pemahaman yang lebih baik berkaitan Terapi Realiti ini akan dapat membantu GBK di sekolah atau kaunselor di organisasi yang menggunakan pendekatan Terapi Realiti semasa menjalankan sesi kaunseling. Tujuannya adalah untuk membantu dan memahami klien mereka terutamanya yang pernah melakukan salah laku seksual.

Justeru itu, penyelidikan ini amat bermakna dan berguna kerana teori yang digunakan memberi implikasi yang besar dalam usaha memperbaiki atau mencari penyelesaian terhadap sesuatu isu. Dalam penyelidikan ini, penyelidik melihat tiga kepentingan utama penggunaan Terapi Realiti, iaitu pertama, menyumbang kepada perkembangan ilmu pengetahuan. Teori ini dikaji dengan lebih mendalam dan meluas berdasarkan fenomena remaja yang melakukan salah laku seksual mengikut konsep asas dan falsafah teori itu sendiri. Maka, penyelidikan ini dijalankan untuk meneroka dengan lebih mendalam tentang konsep dan prinsip penting yang terdapat dalam Terapi Realiti seterusnya menyumbang kepada ilmu pengetahuan yang baharu.

Seterusnya, penggunaannya memberikan dapatan maklumat yang terkini yang tidak disumbangkan oleh kajian-kajian lepas. Kajian-kajian terdahulu telah membuktikan bahawa Terapi Realiti juga berupaya untuk mengenal pasti dan membantu menyelesaikan masalah manusia. Dalam konteks kajian ini, terdapat maklumat terkini ditemukan hasil daripada melihat sejauh mana remaja dengan salah





laku seksual dibantu berdasarkan Terapi Realiti. Manakala yang ketiga, dapat memperkenalkan teori kaunseling melalui perspektif yang pelbagai. Pendekatan teori kaunseling ini boleh diterapkan untuk memahami pelbagai situasi dan fenomena yang berlaku masa kini. Contohnya seperti fenomena salah laku seksual, khususnya terhadap remaja yang terlibat dalam gejala tersebut.

Kesimpulannya, semua kepentingan yang dibincangkan bertujuan untuk mengembangkan lagi ilmu pengetahuan serta membina kesedaran tentang menjaga harga diri. Manfaatnya bukan sahaja kepada golongan remaja, malah kepada semua ahli masyarakat demi membina negara bangsa yang bermoral dan bermaruah untuk menuju wawasan kemakmuran bersama 2030.



1.11 Rumusan

Secara kesimpulannya, bab ini merupakan bab pengenalan yang merangkumi aspek penyelidikan yang ingin dijalankan oleh penyelidik. Aspek-aspek tersebut termasuklah latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, signifikasi kajian teori yang berkaitan dan persoalan kajian. Seterusnya, bab ini membincangkan definisi konsep kajian dengan menjelaskan pemboleh ubah yang diguna pakai dalam penyelidikan ini. Limitasi kajian juga telah dibincangkan secara menyeluruh dalam bab ini. Sehubungan dengan itu, hasil penyelidikan ini diharapkan dapat menjawab segala persoalan yang wujud dalam penyelidikan ini. Penulisan bab ini turut membincangkan proses penyelidik mengkaji pendekatan Terapi Realiti untuk menangani salah laku seksual remaja di Pusat Perlindungan Wanita. Pada dasarnya, penyelidik telah memilih untuk





mengkaji salah laku seksual remaja selaras dengan keseriusan masalah ini di Malaysia. Penyelidik juga memilih Terapi Realiti sebagai landasan penyelidikan ini setelah mengambil kira penggunaannya dan keberkesanannya dalam kalangan GBK serta kaunselor bagi menangani salah laku seksual remaja di sekolah.

Akhirnya, bab ini membincangkan limitasi kajian dan kepentingan kajian serta mengutarakan pihak-pihak yang bakal memperoleh manfaat daripadanya. Bab ini turut menjelaskan batasan kajian yang mengehadkan skop pentafsiran atau interpretasi dapatan kajian agar tidak melangkaui data-data yang diperoleh.

